

21/07/2001

Wang rakyat tidak diguna bantu syarikat

PENKALAN KUBOR, Jumaat - Kerajaan tidak akan menyalahgunakan wang rakyat semata-mata untuk menstruktur semula syarikat yang bermasalah termasuk Kumpulan Renong Berhad (Renong), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri juga berkata, proses penstruktur semula itu sudah lama dilakukan dan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan pengunduran bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

"Tak ada kena mengena, tak ada kaitan langsung (dengan persaraan Daim)... proses ni (penstruktur semula Renong) dah berjalan dari awal lagi," katanya pada sidang media sempena lawatan kerja seharusnya ke Kelantan di sini, hari ini.

Ditanya jika kerajaan boleh memberi jaminan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak akan terbabit dalam penyusunan semula konglomerat tempatan itu, beliau hanya berkata: "Tak tahulah, kita tengoklah. Kita tak akan menyalahgunakan wang rakyat."

Mengenai sama ada penstruktur semula itu boleh menyebabkan kenaikan dalam perkhidmatan lain seperti tol berikutan kenaikan 51 peratus bagi tambang domestik Penerbangan Malaysia (MAS) yang diumumkan baru-baru ini, beliau menjawab:

"Manalah kita tahu, tunggulah. You (wartawan) buat macam-macam ramalan, ni yang jadi kacau dengan pasaran saham (sebab) orang buat ramalan bukan-bukan, sabarlah."

Semalam, Dr Mahathir membayangkan kerajaan akan mengambil alih Renong yang kini menghadapi masalah hutang, secepat mungkin.

Perdana Menteri berkata, sebarang keputusan kerajaan untuk mengambil alih Renong dibuat selepas mengambil kira kepentingan orang ramai kerana kumpulan itu banyak terbabit dalam projek prasarana seperti pengangkutan awam.

Kumpulan Renong menerusi beberapa anak syarikatnya mempunyai tanggungan hutang berjumlah RM26 bilion dan berikutan itu beberapa penyusunan semula termasuk penerbitan bon bernilai RM8.4 bilion dan melangsaikan RM4 bilion hasil penyenaraian Time dotCom Bhd (Time dotCom), beban hutangnya tinggal RM13 bilion.

(END)